

Seni Visual (970)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon untuk kertas 1 dan kertas 2 ialah 7 533 orang. Bagi Kertas 3, bilangan calon ialah 7 215 orang dan Kertas 4 bilangan calonnya ialah 324 orang. Peratus calon yang lulus penuh mata pelajaran ini pada tahun 2012 ialah 88.78%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.47	6.84	12.47	15.59	17.65	17.24	13.52	3.14	1.56	1.94	4.58

RESPONS CALON

KERTAS 1 (TEORI SENI VISUAL)

Komen am

Pada keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi kertas Seni Visual pada tahun ini adalah baik dan memuaskan. Kekuatan calon ialah setiap jawapan yang dikemukakan mempunyai kerangka jawapan seperti pengenalan, penghuraian fakta, dan rumusan seperti yang dikehendaki. Kelemahan calon pula ialah mereka menjawab soalan secara menghafal dengan merujuk sesuatu topik dalam sukatan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A

- S.1 Soalan ini merupakan soalan aras rendah yang memerlukan calon menyenaraikan lima bidang dalam kegiatan pengkaryaan. Majoriti calon dapat memberikan empat bidang dengan baik. Namun begitu, ramai calon yang tidak dapat memberikan bidang yang kelima kerana calon menghafal bidang pengkaryaan dalam bab Projek Penghasilan Karya bagi kertas tiga daripada sukatan pelajaran, sedangkan bidang pengkaryaan dalam seni amat luas bidangnya.
- S.2 Soalan ini memerlukan calon menyatakan dua gaya penampilan dalam seni visual dan menjelaskan kepentingan gaya penampilan. Majoriti calon gagal menjawab soalan 2(b). Calon mengemukakan jawapan tidak mengikut kehendak soalan bagi bahagian 2(b) ini.
- S.3 Soalan ini memerlukan calon menjelaskan perbezaan ciri pengkaryaan antara aliran tradisi dengan aliran moden. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Namun demikian, jawapan tersebut lebih merujuk kepada alat dan media.
- S.4 Bagi soalan bahagian (a), calon perlu menjelaskan pengertian sejarah seni visual dan bahagian (b), calon perlu menghuraikan kepentingan kaedah sejarah seni. Majoriti calon hanya menjelaskan sejarah seni visual secara umum tanpa memberikan fakta dengan tepat. Bahagian (b) pula, kebanyakan calon hanya memberikan jawapan berkaitan dengan kepentingan mempelajari seni visual.

- S.5 Soalan ini menghendaki calon menjelaskan gaya pengolahan bagi idealisasi, representasi, dan stailisasi. Majoriti calon berjaya menjawab soalan ini dengan baik, walau bagaimanapun calon tidak dapat memberi fakta yang tepat.
- S.6 Soalan ini menghendaki calon menghuraikan (a) aspek kebudayaan dan (b) kepercayaan yang memberi makna dalam karya seni visual. Calon memberi jawapan yang baik malah majoritinya menjawab soalan dengan tepat.

BAHAGIAN B

- S.7 Soalan ini berdasarkan gambar produk kerusi yang bertajuk “Egg Chair” hasil ciptaan Arne Jacobsen pada tahun 1957. Soalan ini menghendaki calon membincangkan keunikan reka bentuk produk tersebut. Soalan ini menjadi pilihan ramai calon dan majoriti calon berjaya mengemukakan fakta dan huraian dengan tepat. Kelemahan calon hanyalah calon menghuraikan hanya dari sudut reka bentuk sahaja.
- S.8 Calon dikehendaki membincangkan kekuatan aspek formal karya arca oleh Anthony Lau bertajuk “Lembu Liar” (1962). Sebilangan calon sahaja yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Selebihnya, calon hanya memberi jawapan dari aspek makna arca tersebut.
- S.9 Soalan ini menghendaki calon memberikan jawapan dari aspek proses pembelajaran, kesihatan, keceriaan, unik, dan mudah yang berkaitan dengan penghasilan rekaan permainan kanak-kanak. Soalan ini juga menjadi pilihan oleh ramai calon. Calon berjaya mengemukakan fakta dan huraian yang jelas. Selain itu, terdapat juga calon yang mengemukakan langkah-langkah penghasilan mainan tersebut.
- S.10 Soalan ini berdasarkan gambar hasil karya Long Thien Shih yang berjudul “Untitled”. Calon dikehendaki membincangkan nilai estetik pada karya tersebut. Calon tidak memberikan jawapan yang tepat tentang nilai estetik. Sebaliknya, calon menghuraikan aspek komposisi yang terdapat dalam karya tersebut.

BAHAGIAN C

- S.11 Soalan ini menghendaki calon membincangkan pernyataan peristiwa sejarah yang boleh mempertingkatkan semangat patriotisme melalui seni visual. Jawapan calon tidak mempunyai pelbagai peristiwa yang dibincangkan. Calon hanya memberikan tumpuan kepada tugu negara sahaja untuk dikaitkan dengan seni visual.
- S.12 Majoriti calon memilih soalan ini. Soalan ini berdasarkan karya Vincent van Gogh berjudul “The Starry Night”. Calon perlu menterjemahkan emosi beliau menerusi karya ini. Namun demikian, terdapat juga calon menjawab soalan ini berdasarkan aspek formal sahaja tanpa mengaitkan emosi pelukis. Secara umumnya, ramai calon yang berjaya menjawab soalan ini dengan baik.

KERTAS 2 (LUKISAN)

Komen am

Soalan bagi kertas ini adalah berdasarkan seting yang disediakan. Calon diuji kemahiran melukis mengikut faktor dan permasalahan yang dikemukakan dalam soalan. Pada keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kekuatan yang dapat dilihat pada calon ialah kebolehan melukis dengan menggunakan pelbagai media kering seperti yang diarahkan. Terdapat juga calon yang dilihat berani memilih media *ballpen* dan *oil paster* yang memerlukan kemahiran yang tinggi untuk melukis. Kebanyakan calon gagal memilih komposisi atau sudut pandangan yang menarik dan kreatif.

Komen soalan

Soalan ini menghendaki calon membuat satu lukisan dengan menggunakan media kering dan teknik yang sesuai berdasarkan seting yang diberikan. Calon dikehendaki melukis dari sudut pandangan calon bagi seting yang telah disusun. Calon juga dikehendaki menimbulkan perbezaan bentuk objek, saiz, dan jalinan. Calon juga dikehendaki menimbulkan kesan bayang antara item-item tersebut. Setingnya adalah di atas sebuah meja yang beralaskan surat khabar terletak sepasang kasut sukan bertali. Sebelah kasut tersebut dalam kedudukan terlentang dan sebelah kasut lagi dalam kedudukan terlungkup. Kedua-dua kasut tersebut berkedudukan menghadap ke hadapan. Di sisi kanan kasut tersebut terletak sebiji bola takraw. Di belakang bola takraw terletak sebiji bola keranjang. Di sisi kanan bola keranjang terletak sebiji bola hoki. Sehelai baju sukan (*jersey*) terhampar di sisi kanan bola hoki tersebut dalam kedudukan beralun.

Soalan ini menguji calon untuk menghasilkan lukisan yang dapat membezakan aspek bentuk objek, saiz, dan jalinan pada seting yang disediakan. Ini menguji kemahiran calon terhadap kefahaman dan pengetahuan tentang aspek formal, garisan, rupa, bentuk, jalinan, pencahayaan, dan suasana. Pada keseluruhannya, mutu lukisan yang dihasilkan calon adalah sederhana. Calon kurang berupaya menggunakan teknik lukisan yang sesuai, menggunakan ruang, kadar banding yang sepatutnya. Namun begitu, terdapat calon yang menggunakan media kering seperti pen dan ini dapat menimbulkan sifat objek yang dramatik. Calon juga menggunakan teknik campuran media yang berkesan. Kelemahan calon dikesan dari aspek kurang mengaplikasikan asas-asas seni reka secara maksimum. Pemilihan media yang tidak tepat juga mengganggu teknik-teknik lukisan yang cuba diaplikasikan oleh calon.

KERTAS 3 (PROJEK PENGHASILAN KARYA: KERTAS ARAHAN KERJA KURSUS)

Komen am

Kertas ini berbentuk projek atau kerja kursus yang memerlukan bimbingan guru Seni Visual. Calon dikehendaki membuat portfolio dan hasil karya. Secara keseluruhannya, prestasi adalah sederhana. Namun demikian, terdapat juga calon yang menghasilkan karya dengan kreatif dan unik hingga ke tahap yang sangat tinggi. Mutu portfolio pula bertambah baik.

Komen soalan demi soalan

- S.1 Soalan ini bertemakan “*Kemelut*”, dan soalan ini menjadi pilihan ramai calon untuk menghasilkannya. Calon menterjemahkan maksud kemelut dengan baik. Kebanyakan calon yang mendapat markah yang tinggi ialah calon yang membuat kajian dan penyelidikan. Terdapat juga calon yang tidak dapat menghasilkan karya dengan baik. Calon tidak mahir dalam penggunaan bahan dan teknik. Kerja-kerja portfolio semakin bertambah baik dari tahun-tahun sebelumnya.
- S.2 Soalan ini memerlukan calon menghasilkan sebuah arca awam bertemakan “*Keharmonian pelbagai kaum*”. Calon yang memilih soalan ini dapat mengemukakan karya dan portfolio dengan baik. Kebanyakannya menggunakan pelbagai bahan untuk menunjukkan tema yang dipilih.
- S.3 Soalan ini memerlukan calon menghasilkan sebuah reka bentuk komik bertemakan pembalasan. Pada keseluruhannya calon dapat menghasilkan komik dengan baik. Soalan ini memerlukan kemahiran yang tinggi untuk melukis figura. Oleh yang demikian, calon yang dapat menghasilkan komik yang baik mempunyai kebolehan yang istimewa.

S.4 Soalan ini memerlukan calon membuat model *Personal Digital Assistant* (PDA). Majoriti calon menghasilkan model ini dengan baik. Terdapat hasil perekaan calon yang sangat kreatif. Kerja-kerja portfolio calon juga dapat menunjukkan kebolehan calon dalam disiplin reka bentuk.

KERTAS 4 (TEORI PENGHASILAN KARYA)

Komen am

Kertas ini menguji calon dalam aspek teori penghasilan karya seni visual dalam bentuk pengkaryaan dan perekaan. Pada keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah baik. Namun demikian, masih ada calon yang tidak dapat menunjukkan penguasaan perbendaharaan kata seni visual yang baik.

Komen soalan demi soalan

S.1 Soalan ini menguji kebolehan calon menjadikan kasut sebagai hal benda (*subject matter*) bagi sebuah lukisan. Calon perlu menyatakan lima sifat atau ciri kasut dan melakarkan satu bentuk asas kasut dengan mencatatkan sifat atau ciri yang dinyatakan. Calon perlu membuat tiga lakaran yang menunjukkan perkembangan idea pengubahsuaian bentuk asas bagi mewujudkan kesan ekspresif. Kemudian, calon perlu membuat satu lukisan sebagai asas cadangan untuk bentuk (*form*) karya seni halus dan memberikan lima alasan mengapa bentuk (*form*) karya tersebut dipilih. Secara keseluruhannya, calon dapat menghasilkan idea dan menjawabnya dengan baik. Terdapat juga calon yang menggunakan pengalaman sendiri untuk menghasilkan karya tersebut.

S.2 Soalan ini menguji calon dalam bidang perekaan, iaitu dengan menghasilkan rekaan alat mainan kanak-kanak (*toys*) bagi kanak-kanak berumur antara dua hingga tiga tahun untuk tujuan perkembangan psikomotor kanak-kanak tersebut. Calon perlu melakarkan tiga bentuk yang unik untuk menarik perhatian kanak-kanak dan dari tiga lakaran itu, calon perlu memilih satu lakaran dan kembangkannya kepada lakaran lengkap sebagai cadangan kepada bentuk rekaan alat mainan yang akan dikeluarkan. Calon perlu memberikan keterangan tentang aspek daya tarikan dengan merujuk kepada bentuk, warna, bahan, kualiti permukaan, dan ciri keselamatan. Calon juga perlu menyatakan ciri penggunaan dan memberikan justifikasi tentang ciri tersebut berdasarkan aspek sasaran jantung pengguna, kesesuaian jenis aktiviti, kesesuaian tempat digunakan, cara bermain, dan ciri keselamatan. Pada keseluruhannya, calon dapat menampilkan pengolahan idea dengan baik dan kreatif. Lakaran dan penerangan yang diberikan jelas dan dapat difahami penggunaan perekaan yang dihasilkan.